

30/08/1997

Harga saham BSKL dijangka pulih

Hassan Omar

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka pulih dalam tempoh seminggu ini berikutan kemasukan secara agresif dana yang diuruskan oleh pelbagai institusi tempatan.

Walaupun kerajaan tidak boleh memberi jaminan kemasukan institusi terbabit akan membawa keuntungan, ia perlu dilaksanakan bagi memastikan pasaran saham tidak terus lemah akibat sentimen negatif spekulator.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar, berkata keadaan di BSKL boleh dipulihkan dalam tempoh seminggu jika institusi dana tempatan memasuki pasaran dan sanggup menghadapi risiko untuk mendapat keuntungan.

Menurutnya, dengan faktor asas yang kukuh dalam institusi dana tempatan dan syarikat yang disenaraikan di BSKL, mereka tidak seharusnya bimbang untuk memasuki pasaran.

"Jika semua institusi dana domestik menyambut seruan Perdana Menteri, BSKL mampu dipulihkan dalam tempoh seminggu kerana syarikat di BSKL mempunyai fundamental yang kukuh."

"Permainan ini (urusan pembelian dan penjualan saham) tidak ada jaminan tetapi jika semua institusi dana tempatan memasuki pasaran, kenaikan harga akan berlaku."

"Mungkin pengurus dana tempatan tidak yakin untuk memimpin pasaran tetapi apabila sentimen ini dibaiki melalui kemasukan aktif, logiknya BSKL akan pulih," katanya selepas merasmikan Seminar Keusahawanan anjuran Umno Bahagian Jerlun, di Sekolah Menengah Ayer Hitam, Kedah, semalam.

Affifudin mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam yang mengarahkan institusi dana tempatan memasuki BSKL secara aktif selepas Jawatankuasa BSKL mengenakan sekatan sekuriti bertanda ke atas 100 kaunter bagi mengekang manipulasi.

Langkah itu bertujuan menyekat dana asing daripada terus menyerang dan memanipulasi harga saham di BSKL kerana kejatuhan harga saham kini tiada kaitan dengan keuntungan yang dicatatkan di BSKL.

Dr Affifuddin juga berkata, pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak perlu bimbang dengan tindakan organisasi itu memasuki pasaran kerana wang RM18 bilion yang dibenarkan untuk dilabur hanya sebahagian kecil daripada keseluruhan RM107 bilion dana KWSP.

"KWSP hanya dibenarkan melabur RM18 bilion dengan bakinya dimasukkan dalam bon kerajaan yang selamat... memang ada risiko dalam pelaburan tetapi setiap risiko akan memberikan pulangan yang tinggi," katanya.

Beliau yang menolak tanggapan kononnya langkah itu mencerminkan tekanan yang dihadapi kerajaan, berkata masalah yang timbul kini ialah sentimen yang dimainkan sesetengah pihak untuk memanipulasi harga saham.

(END)